

Portal Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI)

LATAR BELAKANG SIMPENI

Bermula pada tahun 2006, satu sistem berkomputer telah dirancang dan diwujudkan dengan bantuan Bahagian Pengurusan Maklumat, JAKIM melalui pembangunan aplikasi Sistem Maklumat Pendidikan Islam Malaysia (SIMPENI) bagi membolehkan pengisian data secara elektronik. Pelaksanaan SIMPENI ini ditambahbaik lagi pada tahun 2014 di mana penggunaan SIMPENI diperluaskan sehingga ke peringkat sekolah/premis KAFA yang membolehkan setiap sekolah/premis mempunyai guru data yang bertanggungjawab mengurus data sekolah masing-masing dengan lebih cekap dan efektif.

SIMPENI telah menjadi rujukan utama bagi membekal data-data penting berkaitan sekolah agama dan KAFA seluruh Malaysia khususnya dalam pengurusan jawapan Parlimen, Mesyuarat Utama Jabatan, penyaluran bantuan oleh Kerajaan Persekutuan seperti Bantuan Secara Kepada Sekolah Tahfiz/Sekolah Pondok/Sekolah Agama Rakyat, Bantuan Khas Awal Persekolahan 1 Malaysia (BKAP1M), Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M) dan lain-lain.

Sistem ini juga menjadi sumber kepada pelaporan statistik Perangkaan Pendidikan Islam di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, rujukan bagi penyediaan unjuran tahunan perjawatan Guru / Penyelia KAFA serta sebagai rujukan tunggal untuk Jabatan Agama Islam Negeri / Majlis Agama Islam Negeri.

Cara untuk mengemaskini maklumat di dalam sistem “SIMPENI”

Layari laman web www.simpenni.islam.gov.my

Pilih buton “log masuk”

Paparan gambarajah di bawah akan dipaparkan.



Masukkan ID Pengguna : (no kad pengenalan) tanpa (-) cth 70020810XXXX

Kata Laluan : (no kad pengenalan) tanpa (-) cth 70020810XXXX

Setelah paparan log masuk berjaya, sila kemaskini maklumat berkaitan:-

- Sekolah (*yang berkaitan sahaja*)
- Pengetua
- Guru
- Kelas
- Pelajar

Pengguna adalah dikalangan Pengetua / Guru Besar / Ketua Guru atau Guru Data yang dilantik oleh pihak sekolah.

**** Nota Penting:**

Pengguna sistem perlulah didaftarkan terlebih dahulu dengan cara;

1. Melengkapkan Borang Maklumat Guru Data di bawah.
2. Hantar bersama Borang Pendaftaran Sekolah dan dokumen-dokumen sokongan yang lain ke Unit Pendidikan Islam (UPI) Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) kawasan masing-masing.



Selamat Datang ke *SIMPENI*
PORTAL SISTEM MAKLUMAT PENDIDIKAN ISLAM



DAFTAR PENGGUNA SIMPENI
SEKOLAH AGAMA ISLAM BERDAFTAR DENGAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)
(Pengetua / Guru Besar / Ketua Guru / Guru Data)

KOD SEKOLAH : _____ DAERAH : _____
NAMA SEKOLAH : _____
NO. KAD PENGENALAN : _____
NAMA PENUH PENGGUNA : _____
ALAMAT : _____
JAWATAN : _____
NO. TELEFON : (R) _____ (HP) _____
EMEL : _____

Sebarang pertanyaan berkaitan Sistem Maklumat Pendidikan Islam Malaysia (SIMPENI) boleh hubungi;

Seksyen Data dan Perhubungan,
Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS),

Telefon: **03-55143600** samb **2034** atau **2021**.

Emel: perhubungandatabpi@gmail.com

* Semua maklumat di dalam **Simpenni** hendaklah sentiasa dikemaskini oleh pihak pengurusan sekolah melalui Guru Data yang dilantik.